



27 November 2017

27 November 2017

P.U. (A) 362

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (PERTUKARAN ATAU PERUBAHAN BERKENAAN DENGAN SYARIKAT) 2017

### *PRIVATE HIGHER EDUCATIONAL INSTITUTIONS (CHANGE OR ALTERATION IN RESPECT OF COMPANY) REGULATIONS 2017*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA 1996**

**PERATURAN-PERATURAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA  
(PERTUKARAN ATAU PERUBAHAN BERKENAAN DENGAN SYARIKAT) 2017**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 15 dan 88 Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pertukaran atau Perubahan Berkenaan Dengan Syarikat) 2017.**
- (2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 28 November 2017.

**Permohonan bagi pertukaran atau perubahan berkenaan dengan syarikat**

2. (1) Suatu pemohonan bagi kelulusan untuk menukar atau mengubah—
  - (a) nama syarikat;
  - (b) modal terbitan dan berbayar syarikat;
  - (c) amaun dana permulaan syarikat;
  - (d) penyertaan ekuiti syarikat;
  - (e) keanggotaan lembaga pengarah syarikat; atau
  - (f) memorandum persatuan dan perkara-perkara persatuan syarikat,

di bawah seksyen 15 Akta hendaklah dibuat oleh lembaga pengarah syarikat itu kepada Ketua Pendaftar dalam borang sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan—

(a) apa-apa dokumen sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pendaftar; dan

(b) fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(3) Fi yang disebut dalam perenggan (2)(b) hendaklah kena dibayar kepada Ketua Pendaftar.

(4) Jika permohonan di bawah subperaturan (1) ditarik balik oleh lembaga pengarah syarikat atau disifatkan telah ditarik balik di bawah perenggan 15(4)(a) Akta, fi yang telah dibayar berkenaan dengan permohonan itu tidak akan dibayar balik.

**Pemberitahuan pertukaran atau perubahan berkenaan dengan syarikat**

3. Lembaga pengarah syarikat hendaklah memberitahu apa-apa pertukaran atau perubahan berkenaan dengan syarikat itu yang disebut dalam perenggan 2(1)(a), (b), (c), (d), (e) atau (f) kepada Ketua Pendaftar secara bertulis dalam masa empat belas hari selepas pertukaran atau perubahan berkenaan dengan syarikat itu berkuat kuasa di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777].

JADUAL PERTAMA  
[Subperaturan 2(1)]

BORANG

PERATURAN-PERATURAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (PERTUKARAN ATAU PERUBAHAN BERKENAAN DENGAN SYARIKAT) 2017

PERMOHONAN BAGI PERTUKARAN ATAU PERUBAHAN BERKENAAN DENGAN SYARIKAT

No. Perakuan Pendaftaran  
Institusi:

Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta,

Saya memohon untuk menukar atau mengubah berkenaan dengan—

(Sila tandakan ( $\checkmark$ ) mana-mana yang berkenaan)

nama syarikat

modal terbitan dan berbayar syarikat

amaun dana permulaan syarikat

penyertaan ekuiti syarikat

keanggotaan lembaga pengarah syarikat

memorandum persatuan dan perkara-perkara persatuan syarikat

2. Disertakan bersama-sama ini fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua kepada Peraturan-Peraturan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pertukaran atau Perubahan Berkennaan Dengan Syarikat) 2017.

Cap Rasmi

---

(Tandangan Pengerusi Lembaga Pengarah)

---

(Tarikh)

Nama Penuh: \_\_\_\_\_

\*No. K.P./No. Pasport: \_\_\_\_\_

Nama Syarikat: \_\_\_\_\_

---

*Nota: \*Potong mana-mana yang tidak berkenaan*

## BAHAGIAN A

### BUTIR-BUTIR PEMOHON

1. Nama syarikat: \_\_\_\_\_

*(Sila tandakan (√) mana-mana yang berkenaan)*

Jenis syarikat:

Syarikat berhad menurut syer

Syarikat berhad menurut jaminan